

MAHATHIR-MAKUWASA

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYELAR SEGOLONGAN RAKYAT YANG MENJADIKAN MASALAH MAKUWASA DAN BMF SATU SKANDAL TETAPI BERDIAM DIRI DENGAN SKANDAL-SKANDAL YANG DILAKUKAN OLEH ORANG-ORANG BUKAN BUMIPUTERA.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAGAIMANA PERBUATAN BEBERAPA ORANG BANKER TEMPATAN BUKAN DARIPADA BANK BUMIPUTERA YANG MENYALAHGUNAKAN WANG DUA BUAH BANK DI HONG KONG MENYEBABKAN NAMA ORANG MALAYSIA MENJADI BUSUK DI SANA.

PERISTIWA CARRIAN PULA YANG MENGAKIBATKAN HAMPIR 100 BUAH BANK KEHILANGAN WANG TIDAK MENDAPAT PERHATIAN DENGAN SEMUA PIHAK MEMBISU SERIBU BAHASA BUKAN SAHAJA DI HONG KONG MALAHAN DI NEGARA INI.

KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-37 UMNO DI KOMPLEKS UMNO DI SINI, PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENGEMUKAKAN BEBERAPA SOALAN:

+MENGAPAKAH BANK BUMIPUTERA DIHEBOH--HEBOH? ADAKAH KERANA SKANDAL ATAU KERANA BUMIPUTERA? ADAKAH KERANA TIDAK SUKA MELIHAT BUMIPUTERA BERJAYA? ADAKAH KERANA SERONOK MELIHAT KEGAGALAN BUMIPUTERA? -- LAGI.

1454MST 18 09 86

0554

U B346 AAB

MAHATHIR-MAKUWASA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SKANDAL PAN-ELECTRIC RUGI \$16,000 JUTA YANG MELIBATKAN ORANG-ORANG CINA MALAYSIA TETAPI REAKSI TERHADAP KES ITU TIDAK SEPERTI DENGAN KES BMF.

+MENGAPA TIDAK BEGITU DIHEBOHKAN OLEH PENCIPTA SKANDAL DARIPADA PARTI-PARTI LAWAN? MUNGKINKAH KERANA TIDAK DILAKUKAN OLEH BUMIPUTERA?

+PADA PANDANGAN SAYA, BUKAN KEHILANGAN DUIT YANG PENTING KEPADA MEREKA, YANG MENGERAKKAN DAN MENDORONGKAN KRITIKAN MEREKA IALAH PERASAAN CHAUVINISME, PERASAAN PERKAUMAN YANG TEBAL,+ UJARNYA.

MENGENAI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MAKUWASA - SEBUAH SYARIKAT 100 PERATUS MILIK KERAJAAN, BELIAU BERKATA MAKUWASA ANTARA LAIN BERTASRAT MENJUAL TIMAH YANG ADA PADA KERAJAAN SEBAGAI MENGGANTI KERUGIAN AKIBAT TINDAK-TANDUK LONDON METAL EXCHANGE.

KATANYA SAHAM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA YANG DIPINDAHKAN KEPADA MAKUWASA BUKANLAH HAK KWSP, SEBALIKNYA IA ADALAH SAHAM YANG DIKHASKAN UNTUK BUMIPUTERA YANG HARGANYA MEMANG RENDAH DARIPADA HARGA PASARAN. -- LAGI.

1459MST 18 09 86

D564

U B353 AAB

MAHATHIR-MAKUWASA 3 KUALA LUMPUR

+ KWSP TIDAK PERNAH DIBERI SAHAM UNTUK BUMIPUTERA KERANA IA BUKAN BADAN BUMIPUTERA YANG DIKTIRAF.

+ WALAU BAGAIMANAPUN AGIHAN KEPADA KWSP INI DIBUAT SEMATA-MATA UNTUK DIPINDAHKAN KEPADA MAKUWASA APABILA KEUNTUNGANNYA AKAN DIDAPATI OLEH KERAJAAN, + KATANYA.

SAMBIL MENEGASKAN TIDAK ADA SESIAPA PUN YANG MENDAPAT APA-APA UNTUK DIRI SENDIRI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN BERTUJUAN MENYELAMATKAN PERNIAGAAN TIMAH.

KATANYA BANYAK PELOMBONG YANG SEPATUTNYA SUDAH MUFLIS LEBIH AWAL LAGI TELAH TERSELAMAT KERANA OPERASI KERAJAAN ITU.

MENURUTNYA JIKA TIDAK KERANA PENIPUAN YANG DIBUAT DI LONDON YANG MEMINDA PERATURAN-PERATURAN UNTUK MELINDUNGI PARA ANGGOTA LME, KERAJAAN TIDAK AKAN RUGI DAN SOAL PENGLIBATAN KERAJAAN DALAM MEMPERTAHAN HARGA BIJIH TIMAH TIDAK AKAN DITIMBULKAN LANGSUNG. -- LAGI.

1517MST 18 09 86

D565

U B354 AAB

MAHATHIR-MAKUWASA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SEDAR DAP INGIN MENJADIKAN PERKARA INI SEBAGAI SATU LAGI SKANDAL DAN MENCABAR PARTI ITU MEMBUAT ADUAN JIKA MEMPUNYAI BUKTI ADA PEMIMPIN ATAU PEGAWAI KERAJAAN TERLIBAT DENGAN RASUAH.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH MANIPULASI DALAM PASARAN KOMODITI DENGAN HARGA MINYAK KELAPA SAWIT JATUH DAN BERLAKUNYA PENYELEWENGAN KOPERASI OLEH ORANG-ORANG TERTENTU.

AKIBAT SEMUANYA ITU, BELIAU BERKATA EKONOMI NEGARA MEROSOT DAN KEPERCAYAAN ORANG ASING KEPADA NEGARA TERGUGAT.

+ SIAPAKAH YANG MENYEBABKAN SEMUA INI BERLAKU? ORANG KAMPUNGKAH? DASAR EKONOMI BARUKAH? ATAU ORANG-ORANG DI BANDAR-BANDAR -- ORANG-ORANG YANG BEGITU SENANG MENGECEM KERAJAAN, ORANG YANG SELALU MENYALAHKAN KERAJAAN, ORANG YANG BEGITU MARAH SEHINGGA INGIN MELIHAT BN KALAH? + -- BERNAMA.

1519MST 18 09 86